



SIARAN MEDIA

216 TAMAN REKREASI MADANI DI SELURUH NEGARA SIAP, KERAJAAN MADANI TERUS KOMITED DENGAN IMPIAN 1,000 TAMAN

BATU GAJAH, 6 Disember 2025 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerusi Jabatan Landskap Negara (JLN) telah berjaya menyediakan 216 Taman Rekreasi MADANI (TRM) di seluruh negara dalam tempoh 24 bulan, menjangkau sasaran asal iaitu penyediaan 100 Taman MADANI setiap tahun.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming berkata pencapaian ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam mewujudkan kawasan persekitaran hidup yang kondusif, sihat dan lestari bagi mempertingkatkan kesejahteraan rakyat.

“Impian 1,000 Taman MADANI kini rancak dilaksanakan dan KPKT akan terus memastikan impian menjadi realiti,” Beliau mengulas dalam ucapan sempena Program Sentuhan Kejayaan Jabatan Lanskap Negara tahun 2025.

Secara keseluruhan, sepanjang tempoh 24 bulan, sebanyak 216 buah Taman MADANI telah berjaya direalisasikan bagi membugar kembali landskap dan kehijauan negara demi kesejahteraan rakyat.

“Ini adalah bukti nyata komitmen Kerajaan MADANI untuk memperkukuh jaringan ruang hijau rekreasi di peringkat nasional serta menjamin kesejahteraan,” katanya ketika merasmikan Taman MADANI (TRM) Taman Tanjak di Batu Gajah, Perak, hari ini.

Taman Tanjak yang terletak di antara Jalan Gopeng dan Sungai Kinta seluas enam (6) ekar tersebut dibangunkan dengan peruntukan RM500,000, menampilkan reka bentuk yang menggabungkan simbolik tanjak serta seni tekat Perak dengan elemen kontemporari.

“Di negeri Perak sahaja, sebanyak 34 buah Taman MADANI telah berjaya kita bina, jelas bukti kata dilunas, kota dibina,” katanya.

"Sepanjang tahun 2025, KPKT menerusi JLN telah berjaya membangun dan menyiapkan sebanyak 114 program dan projek pembangunan landskap di seluruh negara."

"Angka ini mencatatkan 4.6% peningkatan berbanding pencapaian pada tahun 2024 iaitu sebanyak 109 program dan projek pembangunan landskap di seluruh negara," tambah beliau.

Selain itu, kejayaan JLN pada tahun ini turut disaksikan menerusi pelaksanaan Misi Penggalakan Perdagangan dan Pelaburan Industri Landskap ke tiga (3) buah negara iaitu Indonesia, Jepun dan Dubai dengan sasaran nilai *Return on Investment* (ROI) berjumlah RM80 juta.

Di samping itu, JLN juga berjaya menyiapkan lima (5) taman awam baharu pada tahun 2025, menjadikan jumlah keseluruhan 61 buah taman awam di seluruh negara.

Pada tahun ini juga, JLN telah berjaya merangkul lima (5) anugerah *Malaysia Landscape Architecture Awards* (MLAA) *Honour Awards* 2025 bagi kategori berikut:

- I. *Government Category: Green Initiative Awards* – bagi penganjuran Hari Landskap Negara 2024;
- II. *Professional Landscape Design Award* dan *Merit Award for Government Category Green Initiative* – bagi Projek Pemuliharaan Kunang-kunang di Sungai Yak Yah, Kemaman, Terengganu
- III. *Professional Category Landscape Analysis and Study Award* - bagi Kajian Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Bera, Pahang
- IV. Anugerah *Best Client Award*

KPKT menerusi JLN kekal komited bagi memperkukuh usaha meningkatkan daya huni bandar (liveability) mengikut keperluan populasi bandar yang kini meningkat ke paras 78.5%.

Majlis perasmian hari ini turut dihadiri oleh YB Puan Sandra Ng Shy Ching, Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Perak; YBrs. Tuan Haji Zulkeflee bin Sulaiman, Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti) KPKT; YBrs. Tuan Mansor bin Mohamad, Ketua Pengarah JLN; YBrs. Tuan Mohamad Razif bin Ramli, Yang DiPertua Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG); Ketua-ketua Jabatan KPKT, pegawai kanan JLN dan MDBG, serta wakil persatuan penduduk dan peniaga setempat.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi Kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

